

Headline	Tabung Haji serah zakat RM1.487j		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	52	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,846



Tabung Haji serah zakat RM1.487j

MELAKA - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menyerahkan zakat perniagaan bernilai RM1.487 juta bagi tahun kewangan 2014 kepada Pusat Zakat Melaka (PZM).

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah berkata, zakat perniagaan tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak RM90,832 berbanding RM1.396 juta yang dicatat pada tahun 2013.

Menurutnya, peningkatan jumlah itu sejajar dengan prestasi dan pencapaian keseluruhan Tabung Haji yang memberangsangkan pada tahun lalu.

"Jumlah keseluruhan zakat perniagaan Tabung Haji untuk tahun 2014 ialah sebanyak RM49.87 juta yang dibayar kepada pusat pungutan zakat di semua negeri di Malaysia berbanding RM46.29 juta pada tahun terdahulu.

"Melaka merupakan negeri kelima dalam siri jelajah penyerahan zakat perniagaan Tabung Haji tahun ini selepas Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Negeri Sembilan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan zakat perniagaan kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob di sini baru-baru ini.



JOHAN (kanan) menyerahkan zakat kepada Mohd. Khalil (tengah) sambil diperhatikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron di Melaka baru-baru ini.